

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 18 April 1965 > Page 9 > DRAMA DI-SINGAPURA KA-LIANG KUBOR?

DRAMA DI-SINGAPURA KA-LIANG KUBOR?

Berita Harian, 18 April 1965, Page 9

Article also available on Microfilm Reel NL4322

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

DRAMA DI-SINGAPURA KA-LIANG KUBOR?

Laporan serba-neka seni sekitar tanah ayer**Pertanyaan yang perlu di-jawab:****Oleh****MARHAINI S.**

APA-KAH benar pengaruh siaran2 talivishen sudah kian mengakibatkan kemerosotan sambutan pertunjukan drama2 pentas di-Singapura?

Atau ada-kah badan2 drama di-Singapura sudah tidak aktif dan mampu lagi mementaskan drama2 yang segar dan gagah seperti yang telah di-usahakan beberapa waktu lalu — dalam masa pertumbuhannya?

Ini-lah dua persoalan yang sedang berlinggar di-kepala tiap2 dramatis Melayu di-Singapura, hingga kadangkala persoalan itu membimbangkan mereka tentang 'kemuraman' zaman drama pentas kita masa depan.

Dua soalan ini merupakan fikiran yang sedang berkechamok di-dalam kepala pejuang2 drama pentas kita di-sini, yang sukar hendak di-pecahkan. Dan kalau persoalan ini sukar di-chari penyelesaian-nya, sudah pasti perkembangan drama pentas yang pernah di-banggakan oleh peminat2-nya di-Singapura masa lalu akan tinggal kena-

Information ^

Newspaper:
Berita HarianDate:
18 April 1965Reel Number:
NL4322

Share

Table of Contents ^

< Previous

Page 9

Next >

DRAMA DI-SINGAPURA KA-LIANG KUBOR?

DRAMA DI-SINGAPURA KA-LIANG KUBOR? Laporan serba-neka seni sekitar tanah ayer Pertanyaan yang perlu

Hasnah: Penyanyi baru dari Utara

Hasnah: Penyanyi baru dari Utara Oleh NOOR ZAKIAH KITA selalu saja melihat orang lain beroleh kejayaan

APA-KAH ARTI-NYA 'TIDOR'?

APA-KAH ARTI-NYA 'TIDOR'? Oleh AMINDRA DUA minggu yang lepas, di-bawah tajok "Mengapa iadan2

[View Full Table of Contents](#) >

ngan sanaja.

Persoalan ini di-dasarkan kepada pementasan drama sejak belakangan ini, terutama yang di-pentaskan di-Panggung Victoria, yang telah mendapat sambutan yang jauh dari memuaskan. Sambutan para peminat drama terhadap pementasan2 di-situ kian merosot.

INGAT

Dua-tiga tahun lalu sebelum siaran talivishen Malaysia di-Singapura dipancharkan, boleh dikatakan sa-tiap pementasan drama di-panggung tersebut mendapat sambutan yang begitu memuaskan sa-kali

Sa-tengah2 pementasannya pada masa itu memperoleh keuntungan yang lumayan sa-kali meski pun soal itu biasa-nya tidak menjadi perhitongan besar kepada sa-tiap badan yang mengusahakan pementasan itu pada mula-nya.

Saya maseh ingat lagi bila badan2 saperti Per-kumpulan Seni, Sriwana, Persatuan Persuratan Pemuda Pemuda Melayu, Taman Bachaan, UMNO Bandar Raya dan lain2-nya.

Penyelenggara2 drama dari badan2 ini begitu riang kelihatan-nya sa-telah pementasan-nya itu berlangsung.

Sifat ini di-perlihatkan mereka, malah sa-tengah2-nya mengadakan jamuan "besar2an" sa-baik2 sahaja pementasan-nya itu selesai, kerana sambutan2 yang begitu ghairah di-berikan oleh peminat2-nya terhadap pementasan2-nya.

Malah, kadangkala, pementasan2 yang tidak "se-nonoh" cerita dan persembahan-nya pun mendapat sambutan hangat dari peminat2-nya. Kerana itu-lah badan2 drama yang mengarah ka-situ begitu "ranchak" dan "bergaya" mementaskan drama satu demi satu.

Dalam keadaan "lumayan" demikian, pementasan2 drama begitu membanjiri di-panggung Victoria sa-hingga kadang2 kita terfikir: panggong itu su-

dah di-tenggelami oleh banjir drama dari badan2 tadi.

Antara drama2 itu ia-lah **Ribut, Malam Jahanam, Sayang ada Orang lain Ribut Pagi, Lela Satria, Sumbangseh, Chorak Dunia, Senyum Dalam Tangisan, Sial Bertuah, Hanya Sa-kali** dan lain2-nya.

Dan, saya maseh ingat lagi, drama pentas yang akhir sa-kali mendapat

sambutan meriah dari peminat2-nya ia-lah drama komidi **Atap Genting Atap Rengia** karya Kala Dewata persembahan Sriwana.

Lepas itu, kira2 dua tahun lalu sa-telah Agar di-tayangkan di-talivishen, keranchakan drama di-TV pun bagitu giat di-usahakan, meskipun sa-tengah2-nya sangat2 'memalukan' pejuang2 drama di-sini.

Melalui ranchangan "Alam Sandiwara" penerbitan sdr Zain Mahmud, dan "Taman Puspa" penerbitan sdr Yusoff Ahmad, drama2 di-TV itu pun sudah sa-makin mendapat tempat di-hati peminat2-nya.

Ini tidak termasuk dengan siaran2-nya yang lain saperti bangsawan, Seni Asli dan filem2 Hindustan serta cherita2 dari filem barat yang tiap malam di-tayangkan itu.

HEBAT

Dengan berkembang-nya ranchangan2 tadi melalui siaran TV, alam pementasan drama Melayu mula mendapat pukolan yang hebat dan sambutan-nya kian merosot dari peminat2-nya di-sini.

Satu demi satu pementasan-nya sejak sa-puluh bulan yang lalu telah menerima akibat burok dan "memasamkan" muka penyelenggara-nya. Sa-tengah2 dari pementasan-nya pada zaman kemerosotan itu boleh di-katakan chuma ditontonni oleh 50 orang sahaja dalam panggong yang bagitu besar.

Pada mula-nya saya menyangka merosot-nya sambutan kapada drama pentas itu mungkin di-sebabkan

badan yang menganjorkannya itu tidak 'gagah' dan tidak 'handal' seperti badan2 Sriwana dan Perkumpulan Seni. Tetapi, setelah itu, badan2 yang gagah' dan 'handal' itu pun mengalami nasib yang sa-rupa.

Chontohnya drama2 **Boneka Petualang** dan lain2-nya yang "gagah" telah mendapat sambutan yang menyedehkan — dan kerana-nya pelakon2-nya tidak bersemangat hendak berlakon dengan baik.

Gejala2 ini, bagaimanapun, sekarang sudah di-sadari oleh badan2 drama yang berkenaan termasuk tokoh2-nya. Kerana hal itu sekarang — sa-panjang tahun 1965 ini—panggung Victoria boleh di-katakan telah "kering" dengan drama2-nya yang mekar dan segar.

Penyelenggara2 dramanya sekarang tidak sahaja "mengeloh" panjang setelah sa-suatu pementasan-nya selesai, tetapi berchongak2 pula untuk membayar segala hutang piutang, akibat dari sambutan merosot tadi.

TAREK

Dengan ini zaman kemerosotan drama2 pentas kita di-Singapura sudah terbayang, yang akibatnya akan merugikan kita semua. Kemerosotan ini, kalau tidak di-atasi, segera akan mengakibatkan drama pentas kita akan masuk ka-liang kubor untuk sa-lama2-nya.

Bagaimana pun, andainya penerbit2 Zain Mahmud dan Yusof Ahmad serta pehak2 berkuasa TV lain-nya dapat memberikan peluang kepada badan2 drama di-sini, saya rasa ramalan 'kematian' drama kita akan dapat di-tarek kembali.

Dengan memberikan peluang kepada badan2 drama dalam ranchangan2 TV di-sini masa depan, tidak sahaja akan dapat memberi 'nyawa' kepada badan2 itu, malahan akan dapat membantu penonton2 TV untuk mengechap berbagai selera dan chorak

drama yang di-gemari-nya.

Chara bagaimana peluang itu hendak di-bukaan terserah-lah kepada pihak2 tadi mengloia dan menguruskan-nya!



K. JAMILAH



Related Articles



No related article found.